

**1MDB tidak disebut dalam saman sivil DOJ, jelas ia tidak terlibat - Perdana Menteri**  
**Astro Awani**  
**Julai 29, 2016**

**KUALA LUMPUR:** Syarikat pelaburan strategik negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak mempunyai kaitan dengan saman sivil oleh Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat memandangkan syarikat itu tidak dinamakan dalam saman berkenaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata sehubungan itu jelas menunjukkan 1MDB tidak mempunyai aset di AS.

"Dalam saman tersebut, 1MDB tidak dinyatakan. Jadi, secara langsungnya 1MDB tidak terlibat," jelas Datuk Seri Najib.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Datuk Seri Najib juga berkata beliau mahu mengelakkan membuat sebarang spekulasi berhubung saman sivil DOJ tersebut yang banyak mendapat perhatian pelbagai pihak sejak ia didedahkan baru-baru ini.

Terdahulu, Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN) Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata [DOJ patut sekurang-kurangnya berusaha menghubungi pihak 1MDB](#) bagi mendengar penjelasan mereka daripada hanya bersandarkan laporan portal berita (Sarawak Report).

Menyifatkan amat tidak wajar bagi Peguam Negara Amerika Loretta Lynch menggunakan bahasa begitu tegas dalam situasi apabila beliau sendiri tidak pasti sama ada terdapat kes atau tidak, katanya 'pertuduhan belum diputuskan' namun telah memberikan pandangan prejudis terhadap Datuk Seri Najib Tun Razak, kerajaan Malaysia dan 1MDB.

[Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar menegaskan Polis Diraja Malaysia \(PDRM\)](#) akan mengambil tindakan jika terdapat unsur jenayah dalam kes saman sivil oleh DOJ yang dikaitkan dengan dakwaan penyelewengan dana 1MDB.

Menurut beliau, pihaknya tidak akan campur tangan memandangkan ia merupakan kes

sivil.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pihak Lembaga Pengarah syarikat pada Selasa, 1MDB yakin bahawa tiada salah laku dibuat oleh pihak 1MDB dan penyata kewangan sebelum ini terus menunjukkan hal ehwal syarikat yang benar dan adil.

[1MDB juga turut komited](#) untuk mendapatkan auditor baharu untuk 1MDB bagi menggantikan Deloitte, yang sebelum ini menyatakan hasrat untuk berundur pada 26 Februari 2016.

"Sehingga juruaudit baharu dilantik, Deloitte akan kekal sebagai juruaudit," kata kenyataan itu.

Tambahnya, Deloitte akan terus mengaudit anak syarikat utama 1MDB, termasuk, tetapi tidak terhad kepada TRX City Sdn. Bhd. (yang pernah dikenali sebagai 1MDB Real Estate Sdn Bhd), Bandar Malaysia Sdn Bhd dan Edra Bhd.

Pada 20 Julai 2016, pejabat Peguam Negara Amerika Syarikat mengumumkan bahawa DOJ memfailkan aduan rampasan sivil ke atas entiti dan individu tertentu dan secara serentak memfailkan tindakan bagi membolehkan rampasan sivil aset tertentu atas nama pihak terlibat.

Tag: [Syarikat pelaburan strategik negara, 1Malaysia Development Berhad \(1MDB\) tidak mempunyai kaitan dengan saman sivil oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat \(DOJ\) memandangkan syarikat itu tidak dinamakan dalam saman berkenaan, Najib Razak](#)

**© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/1mdb-tidak-disebut-dalam-saman-sivil-doj-jelas-ia-tidak-terlibat-perdana-menteri-112447>